

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

**PERINGATAN: Ahli yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan/atau terma dan syarat yang dikemaskini (jika ada) yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami sebarang terma dan syarat dan terma dan syarat yang dikemaskini (jika ada), Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan wakil Bank yang sah.**

## 1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Bank**” adalah merujuk kepada **AmBank (M) Berhad** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalender.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada “**Kempen Minggu Fesyen Milan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE – Minggu Fesyen Kuala Lumpur (AmSPB – KLFW Minggu Fesyen Milan)**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Penyertaan**” bermaksud penyertaan layak yang diperoleh dengan memenuhi kriteria dalam klausula 4.1 yang melayakkan Pelanggan Layak melayakkan diri dalam larian untuk Kempen.

“**Aset Di Bawah Pengurusan/ABP**” adalah merujuk kepada ABP Pemegang Akaun Utama di mana-mana Konvensional dan/atau Islamik deposit dan/atau pelaburan seperti Akaun Simpanan + Akaun Semasa + Deposit Bertempoh (DB) + pelaburan termasuk Bancassurance yang dipegang dengan Bank.

“**Baki Minima**” adalah merujuk kepada minima baki kredit positif bagi Akaun Utama di mana hendaklah dikekalkan oleh pelanggan AmSPB.

“**Pemegang Kad Utama AmSPB**” adalah merujuk kepada pemegang kad utama Kad Kredit AmSPB Visa Infinite atau Kad Kredit AmSPB “The Metal” Visa Infinite.

“**AmSPB**” merujuk kepada Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE termasuk AmBank SIGNATURE Priority Private (“AmSPP”) di mana ia adalah sub-segmen kepada Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE.

“**Pelanggan Prioriti Baru**” merujuk kepada pelanggan AmBank sedia ada atau baru yang mendaftar keahlian AmSPB semasa Tempoh Kempen.

“**CASA**” merujuk kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Pelanggan Layak yang dikekalkan dengan Bank.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

“**Baki Purata Bulanan (BPB)**” merujuk kepada jumlah baki penutup harian deposit dalam CASA Pelanggan Layak, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang sama.

“**BPB Bertambah**” merujuk kepada jumlah BPB bagi setiap bulan kempen tolak Garis Dasar BPB.

“**Tempoh Bertenang WM**” bermaksud Enam (6) hari bekerja bermula dari tarikh tempahan aplikasi pelaburan oleh Bank untuk Dana Unit Amanah Terpilih.

“**Tempoh Bertenang BANCA**” bermaksud sehingga Lima Belas (15) hari kalender bermula dari tarikh tempahan aplikasi BANCA oleh Bank untuk Bancassurance.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah “**Syarikat Berkaitan**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegangan atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegangan kepada syarikat pertama.

## 2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan bermula pada 1 Julai 2024 dan berakhir pada 30 November 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu.

## 3 Pelanggan yang Layak

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli AmSPB primer dan tambahan (“**Pelanggan yang Layak**”) di mana adalah;
- a) individu berumur 18 tahun ke atas; dan
  - b) mengekalkan minima ABP prinsipal individu sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) pada akhir Tempoh Kempen.
- 3.2 Semua kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat gabungannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik beradik, termasuk pasangan) adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

#### 4 Mekanik Kempen

- 4.1 Bagi mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak mesti membuat Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam klausu 4.2 di bawah untuk diberi ganjaran Penyertaan.
- 4.2 Berikut menjadualkan bilangan Penyertaan yang mungkin diperoleh oleh Pelanggan yang Layak pada 'Transaksi yang Layak' tertentu yang dilakukan:-

Transaksi yang Layak (Pada 30 November 2024)	Jumlah Penyertaan
Menyertai keahlian AmSPB (Pelanggan Prioriti Baru) dengan ABP minima sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000)	20
Setiap Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) Baki Purata Bulanan atau yang setara (BPB Bertambah) dalam Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan	20
Setiap kumulatif pelaburan Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau setara di mana-mana Produk Pengurusan Wealth	20
Setiap kumulatif pembelian Premium Baru Tahunan ("PBT") Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) di mana-mana pembelian Produk Bancassurance	10
Setiap kumulatif perbelanjaan Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) menggunakan mana-mana Kredit Kad AmSPB	10

- 4.3 Jumlah penyertaan terkumpul adalah berdasarkan rekod Pemegang Akaun Utama AmSPB sahaja dan akan berdaftar dan menyertai Kempen ini secara automatik.
- 4.4 Akaun Semasa/Akaun Simpanan yang Layak ("CASA Layak") dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
- i. Akaun Simpanan Asas (BSA);
  - ii. Akaun Semasa Asas (BCA);
  - iii. Akaun Semasa Transaksi TRUE;
  - iv. Akaun TRUE Savers;
  - v. Akaun Simpanan Harian;
  - vi. Akaun Simpanan Khas Family First;
  - vii. Akaun Harian Family First;
  - viii. Akaun AmPartner;
  - ix. Akaun Semasa AmStar
- 4.5 Sekiranya Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu (1) CASA Layak dengan Bank, baki gabungan semua akaun pemegang akaun utama hendaklah dikira untuk tujuan Kempen ini.
- 4.6 Baki Purata Bulanan dikira seperti di bawah:

BPB = Jumlah baki penutup harian deposit dalam sebulan  
Jumlah bilangan hari di dalam Bulan

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

- 4.7 BPB Bertambah dikira seperti di bawah:

BPB Bertambah = Jumlah BPB pada setiap bulan kempen – Garis Dasar BPB

Pelanggan yang Baru dengan Bank	Garis Dasar: "0"
Pelanggan yang sedia ada dengan Bank	Garis Dasar: BPB sebelum Tempoh Kempen pada 30 Jun 2024

*Contoh pengiraan BPB Bertambah*

*En Kasim adalah seorang ahli AmSPB sedia ada. Garis Dasar BPB adalah RM40,000 pada Jun 2024 dan dia telah mendepositkan wang dari Julai 2024 sehingga November 2024 seperti jadual di bawah.*

*Setiap RM50,000 BPB Bertambah = 20 Penyertaan*

*Pengiraan Penyertaan = (Jumlah BPB Bertambah (RM) – Garis Dasar BPB (RM)) / setiap RM50,000*

Bulan	Baki Purata Bulanan (BPB) (RM)
June 2024 (Garis Dasar BPB)	RM40,000
July 2024	RM100,000
August 2024	RM80,000
September 2024	RM100,000
October 2024	RM90,000
November 2024	RM90,000

Jumlah BPB Bertambah = RM100,000 + RM80,000 + RM100,000 + RM90,000 + RM90,000

5 bulan kempen

$$= \text{RM}460,000 / 5$$

$$= \text{RM}92,000$$

Jumlah Penyertaan Terkumpul: RM92,000 – RM40,000

$$= \text{RM}52,000 @ 20 Penyertaan$$

- 4.8 Produk Pengurusan “Wealth” yang Layak (“**Product PW yang Layak**”) di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
- i. Amanah Saham
  - ii. Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBV)
  - iii. Dana Harga Tetap Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBF)
  - iv. Bon
  - v. Produk Berstruktur
  - vi. “Dual Currency Investment”

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

*Contoh pengiraan kumulatif pelaburan:*

*Mr Chong telah membuat beberapa transaksi pelaburan semasa Tempoh Kempen seperti jadual di bawah.*

*Setiap RM200,000 Pelaburan = 20 Penyertaan*

*Pengiraan Penyertaan = Jumlah Amaun Pelaburan (RM) / setiap RM200,000*

Tarikh Pelaburan	Product PW yang Layak	Amaun Pelaburan (RM)
15 Julai 2024	Amanah Saham	200,000
19 Ogos 2024	Bon	250,000
27 Oktober 2024	ASNBV	500,000
<b>Total</b>		<b>950,000</b>

Jumlah Penyertaan Terkumpul: RM950,000 / setiap RM200,000 = 80 Penyertaan

Nota:

1. Jumlah amaun pelaburan haruslah dikira semasa pelaburan dibuat di mana termasuk sebarang Tempoh Bertenang WM.
2. Dalam kes pelaburan Mata Wang Asing, pertukaran mata wang asing semasa akan ditentukan berdasarkan kadar lazim yang ditentukan oleh Bank.

4.9 Produk Bancassurance yang Layak (“**Product BANCA yang Layak**”) di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Bancassurance Life (“BANCA Life”)
- ii. Kredit Life
- iii. Bancassurance Am (“BANCA Am”)

*Contoh pengiraan kumulatif BANCA:*

*Miss Lai telah membeli Bancassurance semasa Tempoh Kempen seperti jadual di bawah.*

*Setiap RM100,000 Bancassurance = 10 Penyertaan*

*Pengiraan Penyertaan = Jumlah Premium Baru Tahunan (“**PBT**”) / RM100,000*

Tarikh Pembelian	Product BANCA yang Layak	Amaun PBT (RM)
1 Oktober 2024	BANCA Life	50,000
15 November 2024	Kredit Life	50,000
<b>Total</b>		<b>100,000</b>

Jumlah Penyertaan Terkumpul: RM100,000 / setiap RM100,000 = 10 Penyertaan

Nota:

1. PBT bagi Premium Tunggal BANCA Life dan Kredit Life adalah dikira sebagai 10% daripada premium tunggal yang dibayar.
2. Jumlah amaun PBT haruslah dikira pada pembelian BANCA tolak sebarang pembatalan/penyerahan pembelian BANCA semasa Tempoh Bertenang BANCA.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

- 4.10 Produk Kredit Kad yang Layak (“**Product Kad Kredit yang Layak**”) di Kempen ini adalah seperti berikut:
- i. Kad Kredit AmSPB Visa Infinite
  - ii. Kad Kredit AmSPB “The Metal” Visa Infinite

*Contoh pengiraan kumulatif Kredit Kad AmSPB:*

*Mr Kevin adalah pelanggan AmSPB kami dan memegang kedua-dua Kad Kredit AmSPB “The Metal” Visa Infinite dan Kad Kredit AmSPB Visa Infinite dengan perbelanjaan beliau semasa Tempoh Kempen seperti jadual di bawah.*

*Setiap Perbelanjaan RM30,000 = 10 Penyertaan*

*Pengiraan Penyertaan = Jumlah Kumulatif Perbelanjaan Kredit Kad AmSPB / RM30,000*

Bulan Perbelanjaan	Perbelanjaan Kad Kredit AmSPB “The Metal” Visa Infinite (RM)	Perbelanjaan Kad Kredit AmSPB Visa Infinite (RM)	Kumulatif Perbelanjaan Kad (RM)
Julai 2024	5,000	5,000	10,000
Ogos 2024	10,000	5,000	15,000
September 2024	2,500	2,500	5,000
Oktober 2024	3,000	17,000	20,000
November 2024	8,000	2,000	10,000
<b>Total</b>	<b>28,500</b>	<b>31,500</b>	<b>60,000</b>

Jumlah Penyertaan Terkumpul: RM60,000 / setiap RM30,000 = 20 Penyertaan

Nota: Perbelanjaan kumulatif berdasarkan Produk Kad Kredit yang Layak yang dinyatakan dalam Klausus 4.10 akan dikira pada peringkat pelanggan untuk Pelanggan yang Layak seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 3.1.

- 4.11 Semua AmSPB kredit kad transaksi (“**Kad Transaksi yang Layak**”) di bawah Klausus 4.1 selama Tempoh Kempen mestilah digunakan untuk pembelian barang atau perkhidmatan yang dilakukan untuk penggunaan peribadi atau penggunaan Pemegang Kad yang Layak, dan bukan untuk tujuan perniagaan. Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi yang Layak tidak termasuk urus niaga berikut: -

- a) Ansuran bulanan berterusan di bawah Program AmFlexi-Pay/ Pelan Pembayaran Mudah (EPP), Pindahan Baki (BT) dan QuickCash (QC) sedia ada;
- b) Transaksi separa tunai untuk transaksi pertaruhan dan/atau perjudian;
- c) Urus niaga yang kemudianya dibatalkan, dipertikaikan, dibayar balik, atau urus niaga yang tidak dibenarkan, mencurigakan atau penipuan dalam sebarang bentuk/ kemudiannya didapati tidak dibenarkan, mencurigakan atau penipuan dalam apa jua bentuk;
- d) Bayaran faedah/ yuran pengurusan, caj pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai perkhidmatan kad dan sebarang bentuk perkhidmatan/ yuran lain;
- e) Transaksi E-Wallet daripada penyedia perkhidmatan E-Wallet berikut:

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

Kod Kategori Pedagang (MCC)	Penyedia Perkhidmatan E-Wallet
4121, 4789, 5734, 6540 & 7399	Grab Pay
4784	Touch 'n Go
6540	Boost / Big Pay / Shopee Pay

Sebarang transaksi dengan Kod Kategori Pedagang (MCC) daripada penyedia perkhidmatan lain walaupun tidak disebut dalam jadual dia atas juga akan dikecualikan.

- f) Urus niaga pendahuluan tunai / deposit / pengeluaran;
  - g) Sebarang yuran atau caj yang dikenakan oleh Bank;
  - h) Urus niaga pembiayaan perdagangan;
  - i) Urus niaga yang berada di bawah pengaturan korporat khas di mana rebat sedia ada terpakai atau untuk tujuan perniagaan;
  - j) Pembayaran bil korporat atau transaksi GIRO korporat
- 4.12 Semua Transaksi yang Layak yang dibuat semasa Tempoh Kempen mestilah berdasarkan masa Malaysia yang direkodkan oleh rekod transaksi Bank dan disiarkan kepada akaun kad bagi Pemegang Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen. Penjejakkan transaksi yang layak adalah berdasarkan tarikh transaksi diposkan pada penyata Pemegang Kad (Waktu Malaysia) dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penyampaian bukti transaksi penjualan di atas alasan yang tidak berada dalam kawalan Bank seperti kegagalan, kelewatan, tindakan atau peninggalan pihak Visa dan/atau "Pedagang".
- 4.13 Kod Kategori "Pedagang" dan nama keterangan "Pedagang" atau sebarang perincian transaksi, penandaan atau pengenalan yang diberikan oleh Bank yang memperoleh "Pedagang" yang Layak untuk setiap "Pedagang" yang Layak harus selaras dengan rekod dalam sistem Bank. Sebarang percanggahan antara KKP dan nama keterangan "Pedagang" atau sebarang perincian transaksi, penandaan atau pengenalan yang diberikan oleh Bank yang memperoleh "Pedagang" yang Layak dengan rekod dalam sistem Bank boleh mengakibatkan Pemegang Kad yang Layak dihilangkan dari hak Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
- 4.14 Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa pencatatan lewat ke akaun Pelanggan yang Layak oleh mana-mana pedagang dan/atau pihak ketiga yang mungkin mengakibatkan Penyertaan Pelanggan Yang Layak ditinggalkan daripada Kempen.
- 4.15 Bank mungkin akan memberitahu bilangan penyertaan sementara dari semasa ke semasa melalui SMS berdasarkan butiran hubungan mereka yang dikekalkan dalam sistem Bank. Untuk mengelakkan keraguan, jumlah penyertaan akhir yang diperoleh untuk Pelanggan yang Layak akan dikira berdasarkan penghujung Tempoh Kempen seperti jadual ditetapkan dalam Klausus 4.1.
- 4.16 Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian dalam Kempen ini dan layak menerima ganjaran, adalah tidak layak untuk mana-mana promosi yang ditawarkan oleh Bank.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

## 5 Hadiah

- 5.1 Pelanggan yang Layak yang menyertai akan bersaing untuk memenangi hadiah (“**Hadiah**”) berikut:

Hadiah	Jumlah Pemenang
3 hari 2 malam penginapan hotel serta Tiket Penerbangan ulang alik ke Milan, Itali dan pertunjukkan pas ke Minggu Fesyen Milan di Milan bagi 2 orang*	Tiga (3) Pemenang**

\*Tarikh, hotel, jenis bilik, penerbangan dan kelas penerbangan adalah tertakhluk kepada ketersediaan dan ditentukan oleh Bank.

\*\*Semua pemenang dan pasangan mereka haruslah berumur 18 tahun ke atas.

- 5.2 Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan produk lain yang mempunyai nilai yang setara pada bila-bila masa dengan memberikan Notis Awal.
- 5.3 Hadiah ini tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau apa-apa jenis lain yang sedemikian.
- 5.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak menamatkan keahlian AmSPB mereka dan/atau tidak mengekalkan Minima Baki sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Satu (RM1) dalam akaun mereka sebelum Hadiah dipenuhi, Bank berhak membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada Kempen ini.
- 5.5 Bank berhak untuk membatalkan Hadiah sekiranya semua akaun tidak aktif, ditutup atau ditamatkan.
- 5.6 Hadiah adalah tertakhluk kepada Terma dan Syarat oleh pengeluar tiket. Bank bukan ejen pengeluar tiket dan tidak membuat perwakilan bagi kesesuaian untuk tujuan dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh pengeluar tiket. Sebarang pertikaian mengenai Hadiah hendaklah diselesaikan secara langsung dengan pengeluar tiket.

## 6 Pemilihan Pemenang

- 6.1 Sistem Bank akan menetapkan nombor bersiri unik bagi setiap Penyertaan yang diperoleh oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen, yang kemudiannya digunakan untuk menyisih semua Penyertaan dalam tertib menaik. Susulan kepada ini, setiap Penyertaan kemudiannya dinomborkan secara berurutan mulai dari 1 untuk nombor siri dengan nilai terendah (“**Nombor Berurutan**”).
- 6.2 Jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan sepuluh (10) untuk mengembalikan nilai pengganda untuk menyenarai pendekkan sekurang-kurangnya sepuluh (10) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah (“**Pemenang Hadiah Berpotensi**”).

*Contoh:*

*1,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 10 untuk mengembalikan nilai pengganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-1,000 akan disenarai pendekkan sebagai Pemenang Hadiah Berpotensi.*

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

- 6.3 Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendekkan dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi melalui panggilan telefon di nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh Dua Belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen. Pihak Bank, mengikut budi bicara, mungkin akan menjemput Pemenang Hadiah Berpotensi bagi sesi Soal dan Jawab secara bersemuka atau melalui Sidang Video (“**Jemputan S&J**”).
- 6.4 Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya kesemua percubaan gagal, maka Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah.
- 6.5 Pemenang Hadiah Berpotensi haruslah bersetuju untuk hadir Jemputan S&J di mana akan diadakan Bersama dengan Bank dan KLFW (“**Panel**”). Sekiranya Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendek tersebut tidak setuju juntuk hadir Jemputan S&J, maka Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendekkan itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah.
- 6.6 Pemenang Hadiah Berpotensi yang akan hadir di Jemputan S&J akan dikehendaki untuk menjalankan temuduga dan menjawab satu (1) slogan di mana Tiga (3) pemenang (“**Pemenang Hadiah**”) akan dipilih oleh Panel.
- 6.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendekkan yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

## 7 Pemenang Hadiah

- 7.1 Pihak Bank akan memaklumkan pemenang hadiah melalui SMS/telefon/surat elektronik/surat/dan lain-lain berdasarkan butir-butir hubungan mereka yang dikekalkan dalam sistem Bank. Walau apa pun yang disebut di atas, Bank berhak untuk menggunakan mana-mana medium atau kaedah lain, termasuk laman web Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) sebagaimana yang difikirkan sesuai untuk tujuan mengumumkan pemenang.
- 7.2 Keputusan semua pemenang akan diumumkan dalam tempoh Dua Belas (12) minggu dari tarikh penutupan Penyertaan Hadiah yang berkaitan untuk pengiraan pemenang.
- 7.3 Semua pemenang dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan apabila diperlukan seperti yang diberitahu oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau surat elektronik berhubung dengan tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain.
- 7.4 Pemenang Hadiah haruslah bersetuju bagi membenarkan perjalanan mereka didokumentasi oleh pihak ketiga iaitu pencipta kandungan media sosial yang dilantik oleh Panel.
- 7.5 Sebarang foto yang diambil semasa campaign program dan perjalanan ke Minggu Fesyen Milan di Klausa 7.3 dan 7.4 akan dianggap sebagai hak milik Bank dan Bank berhak untuk menggunakan sebarang foto ini bagi tujuan promosi / pengiklanan / pengumuman.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

- 7.6 Pihak Bank hanya akan menanggung kos hadiah yang dinyatakan di Klausa 5.1. Sebarang perbelanjaan sampingan yang berkaitan dengan Hadiah haruslah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang Hadiah.

## 8 Hilang Kelayakan

- 8.1 Bank berhak membatalkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa perlu memberitahu Pelanggan yang Layak sekiranya:
- Aktiviti perbankan yang dipilih diterima sebelum dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
  - Pelanggan yang Layak di mana akaun dibatalkan, ditamatkan bagi sebarang sebab, atau digantung bagi sebarang pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki semasa Tempoh Kempen; atau
  - Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - Pelanggan yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.

## 9 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum yang terdapat melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan anda dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda terhadap terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum.

- 9.1 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 9.2 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 9.3 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 9.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 9.5 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 9.6 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 9.7 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau, keingkaruan atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

**Terma dan syarat**  
**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE - Minggu Fesyen Kuala Lumpur**  
**Kempen Minggu Fesyen Milan**  
**(Kempen AmSPB - KLFW Minggu Fesyen Milan)**  
**Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 – 30 November 2024**

- 9.8 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, perang, perang saudara, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 9.9 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertkaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 9.10 Terma dan syarat ini juga boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 9.11 Ahli AmSPB yang layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 9.12 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 (Isnin – Ahad, 7.00a.m sehingga 11.00p.m) atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com) .